



**PARA** atlet dan penaja bergambar bersama Harun (berdiri, enam kiri) selepas majlis penyerahan tajaan kelmarin.

## Sembilan atlet UMS bakal cipta rekod dalam MBoR

UB 3-1-14 A14

Oleh SITI AISYAH NARUDIN

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) bakal mencipta nama dalam 'Malaysia Book of Records' (MBoR) menerusi cubaan program Larian Terpanjang Di Atas 'Treadmill' Secara Berkumpulan (Longest Run On A Treadmill By Group) 2014.

Seramai sembilan orang pelari UMS termasuk seorang atlet kelainan upaya (OKU) bakal menggalas tanggungjawab berlari secara bergilir-gilir selama 264 jam tanpa henti selama 11 hari.

Program berkenaan akan diadakan bermula 21 hingga 31 Januari depan di kompleks beli-belah, 1Borneo.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah berkata, program berkenaan melibatkan mahasiswa Program Sains Sukan, Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) dan Sekolah Perubatan



**WAKIL** Adabi Sabah Sdn Bhd menyerahkan tajaan bernilai RM3,000 kepada Harun (dua kiri) pada majlis itu.

(SPU).

Menurutnya, hampir 98 peratus ahli jawatankuasa yang terlibat dalam program itu adalah darikalangan mahasiswa UMS sendiri.

"Saya amat berbangga dengan usaha yang dilaksanakan ini kerana mereka berani mengambil risiko untuk

menganjurkan program yang memerlukan kekuatan fizikal dan mental para peserta.

"Tentunya aktiviti yang bakal dijalankan ini sebagai salah satu cara menanamkan keyakinan diri para pelajar untuk melakukan sesuatu di luar jangkaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Penyerahan Tajaan Bagi Projek 'Malaysia Book of Records: Longest Run On A Treadmill By Group' 2014 di sini kelmarin.

Jelasnya, penglibatan para penaja membuktikan segala perancangan aktiviti sepanjang sambutan ulang tahun UMS ke-20 berjalan lancar.

Harun berkata, sebelum ini, rekod untuk program berkenaan dipegang oleh Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Samarahan, Sarawak sejak tahun 2012.

Sementara itu, atlet OKU yang juga pelajar tahun dua Program Sains Sukan, Abner

Moillie, 21, sudah bersedia secara fizikal dan mental untuk menahuti cabaran larian berkenaan.

Menurutnya, walaupun mengalami masalah penglihatan yang tidak seimbang, beliau mampu membiasakan diri dengan keadaan itu.

"Setiap hari saya melakukan latihan selama satu jam setengah pada waktu petang dan saya perlu menjaga aspek pemakanan dengan melebihi pengambilan karbohidrat sebagai persediaan," katanya yang mengalami masalah penglihatan serius sejak dari kecil lagi.

Abner juga pernah merangkul pingat gangsa bagi acara lompat jauh semasa mewakili negara pada Kejohanan Sukan Paralimpik Remaja Asia 2009 di Jepun.

Beliau berharap, kumpulan atlet UMS mampu mencipta nama dan berjaya memecahkan rekod sedia ada untuk tersenarai dalam MBoR.



**ABNER** (kanan) ketika ditemuramah pihak media.